
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015 / Januari 2016

HSM 419 – SEMINAR SEJARAH SOSIO-EKONOMI MALAYSIA

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada EMPAT soalan hanya EMPAT soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Bincangkan faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan pada kurun ke-18 dan Singapura pada kurun ke-19.
[100 markah]
2. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa migrasi menjadi punca ketidakstabilan politik dan perpecahan negeri-negeri Melayu tertentu pada kurun ke-18 dan ke-19?
[100 markah]
3. "Penghijrahan wanita Cina ke Tanah Melayu pada zaman penjajahan British lebih menimbulkan masalah-masalah sosial daripada sumbangan positif kepada ekonomi." Bahaskan pernyataan ini.
[100 markah]
4. "Dasar 'pecah dan perintah' penjajah British telah menyumbang kepada masalah sosial dan ekonomi di Malaysia sebelum dan selepas merdeka." Nilai pernyataan ini dalam konteks Semenanjung Tanah Melayu ATAU Sarawak ATAU Borneo Utara British.
[100 markah]
5. Sejauh manakah dasar-dasar kerajaan Brooke dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara berjaya dalam usaha melindungi ekonomi peribumi daripada diceroboh oleh para pelabur asing?
[100 markah]
6. "Kegiatan ekonomi kaum Cina semasa Perang Dunia Kedua (1941-1945) lumpuh akibat tindak tanduk pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu." Bahaskan pernyataan ini.
[100 markah]
7. "Dasar ekonomi British di Tanah Melayu telah berjaya membangunkan industri perladangan getah tetapi sebaliknya meninggalkan banyak kesan negatif terhadap buruh India." Cerakinkan pernyataan ini.
[100 markah]

- 3 -

8. "Sistem pendidikan yang pelbagai aliran sejak zaman sebelum merdeka sehingga kini telah menjejaskan perpaduan antara rakyat berbilang kaum di Malaysia selepas merdeka." Nilaikan pernyataan ini.

[100 markah]

- oooOooo -